

# PLAN Malaysia

Menelusuri 100 tahun  
perancangan  
bandar di Malaysia




UTUSAN MALAYSIA (09/11/2021)  
MIS 23

Besar harapan saya agar aktiviti perancangan dan pembangunan bandar dan desa terus mendukung dasar-dasar pembangunan ekonomi negara untuk Malaysia yang Makmur, Inklusif dan Mampan."

**DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB**

PERDANA MENTERI

(Semasa Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-39 pada 21 Oktober 2021)





Perkhidmatan perancangan bandar dan desa sepanjang 100 tahun ini telah menyumbang kepada kemakmuran pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat."

TPrGs DR. SHAMSAINI SHAMSUDDIN  
KETUA PENGARAH  
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

18 Januari 1921 adalah  
mulaan berkembangnya  
natan perancangan bandar  
di Tanah Melayu.  
ui penubuhan Jabatan  
ng Bandar pertama dikenali  
t Perancang Bandar  
egeri-negeri Melayu  
u (sebelum dilantik  
Perancang Bandar Kerajaan  
setahun kemudian),  
natan perancangan bandar  
yapun dilaksanakan



oleh pentadbir dan para juruukur  
akhirnya diserahkan kepada mereka  
yang arif dalam bidangnya.  
Mengikut rekod, aktiviti  
perancangan bandar terawal bermula  
dengan tertubuhnya Jawatankuasa

Penilai (*Committee of Assessors*)  
pada 1801 di Pulau Pinang.  
Antara kuasa yang diperuntukkan  
kepada jawatankuasa ini adalah  
'untuk menyusun atur bandar di  
dalam keadaan yang paling sesuai  
untuk keperluan penduduknya.'  
Adalah dipercayai bahawa  
rangkai jalan-jalan bagi kawasan  
perdagangan di Bandar George  
Town yang disempadankan oleh  
Jalan Light, Jalan Beach, Jalan  
Chulia dan Jalan Pitt masih kekal  
tanpa sebarang perubahan besar  
daripada apa yang dirancangan  
oleh jawatankuasa berkenaan

Sepanjang tempoh 100 tahun  
perkhidmatan perancangan bandar  
dan desa di negara ini (1921-2021),  
telah banyak sejarah dan kejayaan  
yang dilakar seiring dengan  
pembangunan negara.  
Antaranya, pembangunan  
bandar-bandar baharu yang lebih  
terancang, pembentukan undang-  
undang perancangan bandar,  
evolusi rancangan pemajuan,  
pengembangan Jabatan Perancang  
Bandar itu sendiri, pengenalan  
kursus perancangan bandar dan  
wilayah di institut pengajian tinggi  
awam (IPTA), penubuhan badan

profesional dan ikhtisas bagi  
mewakili profesion perancang  
bandar, serta kejayaan-kejayaan  
yang dilakar oleh Perancang Bandar  
tempatan sama ada di persada  
negara atau antarabangsa.  
Kisah 100 tahun perancangan  
bandar ini telah digarap naratifnya  
agar berkisar kepada empat era  
utama yang merakamkan segala  
pahit manis yang ditempuh oleh  
pelopor-pelopor perkhidmatan  
perancangan bandar dan desa  
di negara ini untuk meletakkan  
profesion tersebut di persada yang  
sejajarannya